



Majlis
"HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2017"

TEKS UCAPAN

YANG MULIA
DATO PADUKA HAJI MOHD ROSELAN BIN HAJI MOHD DAUD
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
SELAKU TETAMU KEHORMAT MAJLIS

Tarikh: **Hari Khamis, 28 Syaaban 1438
25 Mei 2017**

Masa: **2.00 petang**

Tempat: **The MALL, Gadong**

Bismillah Hir Rahman Nirrahim... Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen
Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiae Walmursaleen
Sayyidina Muhammaddin ... Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Mulia,

Awang Haji Yusof bin Haji Abd Rahman

Pengarah Urusan AMBD selaku Pengerusi Majlis

Tuan dan Puan Yang Terutama Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan
Duta-Duta Besar Negara-Negara Sahabat Ke Negara Brunei
Darussalam

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD

Yang Mulia,

Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap;
Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;

Yang Mulia Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah-Pengarah
Urusan daripada institusi-institusi kewangan

Serta hadirin dan hadirat yang peramba/ saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu
Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat dan kurniaNya
jua, kita dapat sama-sama berhimpun di Majlis Hari Menabung
Kebangsaan 2017 pada petang ini.

2. Terlebih dahulu, peramba/saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam, yakni AMBD, di atas ingatan baik mengundang peramba/ saya hadir dan seterusnya merasmikan penubuhan Brunei Darussalam Capital Market Association.
3. Peramba/saya juga gembira mengambil maklum bahawa sempena Hari Menabung Kebangsaan 2017 ini, AMBD telah turut merangka pelbagai aktiviti bagi meningkatkan tahap celik kewangan dengan menggalakkan budaya menabung dan sikap pengurusan kewangan yang berhemah di kalangan masyarakat. Ini termasuk di kalangan generasi muda yang mana antaranya adalah melalui pertandingan pembuatan promo radio dan video yang dibukakan masing-masing kepada para pelajar sekolah dan juga orang ramai.
4. Pada kesempatan ini, peramba/saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada AMBD atas inisiatif dan usaha berterusan tersebut.
5. Saya juga ucapkan setinggi tahniah kepada para peserta yang telah memenangi pertandingan tersebut.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

6. Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan suasana persekitaran yang sentiasa berubah, kita perlu mempunyai ilmu

pengetahuan bagi kita mengurus kewangan secara bijak dan berhemat di semua peringkat, iaitu negara, organisasi, kementerian, jabatan, keluarga dan individu. Tanpa ilmu pengetahuan dalam bidang kewangan, masalah di peringkat individu boleh sahaja menular menjadi masalah peringkat Negara khususnya dari segi masalah ekonomi dan juga sosial.

7. Dalam hubungan ini, peramba/saya sukacita mengimbas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baru Masihi 2012 yang antarlain menekankan:

..."Turut menjadi kunci kestabilan dan kemakmuran ialah amalan berjimat cermat. Sikap berhemat dalam berbelanja, sama ada di peringkat kerajaan, rumah tangga mahupun individu adalah tonggak *survival* ekonomi negara. Kerana itu, berbelanja besar di luar kemampuan adalah satu tragedi pahit."...

Hadirin dan Hadirat sekalian,

8. Amalan menabung dan pengurusan kewangan bukanlah perkara baru dikalangan masyarakat Brunei. Ianya adalah amat sinonim dengan amalan dan pesanan orang-orang tua kitani dahulu iaitu "*menaruh untuk hari kemudian*". Walau bagaimanapun, berbedza dengan masa lampau, sekarang perkhidmatan kewangan telah berkembang jauh dan bertambah canggih selaras dengan keperluan dan permintaan orang ramai.

9. Perkembangan ini telah mendorong kewujudan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih inovatif dan adakalanya bersifat kompleks. Ini setentunya menimbulkan cabaran kepada orang ramai kerana pengetahuan mereka tentang kewangan perlu dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan dan inovasi dalam sektor kewangan.

10. Dalam hal ini, peramba/saya percaya, Hari Menabung Kebangsaan merupakan satu inisiatif yang tepat dan perlu diadakan setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran mengenai isu-isu kewangan dikalangan masyarakat kita, khususnya generasi muda dan para pelajar yang masih bersekolah. Melalui acara-acara yang telah diadakan di sepanjang Hari Menabung Kebangsaan tersebut, orang ramai boleh didedahkan kepada aktiviti-aktiviti yang menekankan betapa pentingnya ilmu celik kewangan dan amalan budaya menabung demi jaminan hidup yang lebih baik dan terancang di masa hadapan.

11. Peramba/saya sekali lagi gembira mengambil maklum bahawa jerayawara-jerayawara yang telah diadakan di sekolah-sekolah menengah di keempat-empat daerah telah memberikan impak yang positif. Di sini elok rasanya mengongsikan sedikit statistik yang memberangsangkan. Menurut kajian yang telah dilaksanakan semasa jerayawara tersebut, pengetahuan asas kewangan di kalangan penuntut-penuntut yang hadir telah meningkat daripada 33 peratus sebelum aktiviti-aktiviti diadakan

kepada 71 peratus selepas menyertai aktiviti tersebut. Manakala, kira-kira 73 peratus daripada penuntut-penuntut yang hadir menyatakan bahawa mereka telah mempelajari mengenai pentingnya pengurusan kewangan dan sikap menabung untuk masa hadapan.

12. Disamping itu, jumlah orang yang telah berkunjung ke acara *Financial Fun Fair* telah meningkat sebanyak 33 peratus pada tahun ini berbanding pada tahun 2016. Ini adalah amat menggalakkan kerana acara ini membolehkan para ibu bapa dan anak-anak mereka untuk sama-sama mempelajari pengurusan kewangan yang berhemat dalam suasana kekeluargaan dan penuh keriangannya. Peramba/saya berharap pihak-pihak yang berkenaan akan terus melipat-gandakan usaha seperti ini dalam sama-sama meningkatkan tahap celik kewangan di negara ini.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati,

13. Menyentuh mengenai pelaburan kewangan pula, ianya merupakan salah satu aspek pengurusan kewangan yang *sophisticated* dan memerlukan pengetahuan kewangan yang tertentu dari segi memahami dan menguruskan risiko-risiko yang berkaitan. Oleh sebab itu, produk-produk pelaburan kewangan ini hanya ditawarkan oleh institusi-institusi dan individu-individu yang profesional dan dilesenkan oleh pihak yang berkuasa.

14. Sejauh ini, statistik daripada AMBD menunjukkan bahawa jumlah pelaburan kewangan individu telah meningkat sebanyak 13 peratus pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, usaha bagi pemberitaan maklumat produk dan perkhidmatan pelaburan di negara ini perlu dilipat-gandakan lagi. Ini kerana menurut kajian yang dijalankan oleh AMBD dengan kerjasama Brunei Darussalam Capital Market Association, yakni BCMA, hanya 36 peratus daripada responden kajian mempunyai pelaburan kewangan selain daripada simpanan di bank. Di antara sebab-sebab yang dinyatakan oleh responden adalah kerana "kurang pengetahuan" mengenainya.

15. Oleh itu, dengan tertubuhnya BCMA secara rasmi mulai hari ini, peramba/saya percaya mereka akan dapat berganding-bahu dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam merealisasikan hasrat negara untuk meningkatkan pengetahuan dan tahap celik kewangan orang ramai mengenai produk-produk kewangan. Ini termasuklah dibidang pelaburan yang akan menjadi nadi penggerak ke arah pembangunan industri pasaran modal yang lebih pesat di masa akan datang.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati,

16. Beralih kepada pameran kewangan pada hari ini, peramba/saya berharap segenap lapisan masyarakat mengambil peluang untuk mengetahui dengan lebih dekat produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan di Negara ini. Peramba/saya juga

percaya melalui inisiatif dan usaha berterusan sebegini, kita akan dapat mencorak generasi yang celik kewangan dan pandai berdikari dari segi kewangan, sekaligus mendokong hasrat dan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di Negara Brunei Darussalam.

17. Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba/saya sekali lagi sukacita turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja AMBD dan agensi-agensi yang terlibat dalam menjayakan majlis pada petang ini. Peramba/saya juga mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah serta penghargaan kepada pihak penganjur AMBD, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei, Tabung Amanah Pekerja, serta institusi-institusi kewangan di atas penyediaan acara-acara yang menarik sempena Hari Menabung Kebangsaan pada tahun ini. Semoga usaha yang berkeabajikan ini akan dibalas dengan ganjaran pahala oleh Allah Subhannahu Wata'ala.
18. Dan akhirnya, dengan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berselawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam serta dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim, peramba/ saya dengan sukacita merasmikan penubuhan Brunei Darussalam Capital Market Association.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.